

Islam ajar umat berlaku adil dalam urusan



Bersama Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin

kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan.

“Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

Islam adalah agama yang bertoleransi. Toleransi ini boleh dilihat secara jelas melalui nas al-Quran dan hadis. Sebagaimana Allah menyatakan dalam **surah al-Mumtahanah** akan keharusan untuk berbuat baik dan berlaku adil kepada bukan Muslim selagi mereka tidak memerangi dan menghalau Muslim keluar dari kampung halaman.

Sejarah juga membuktikan sikap

toleransi orang Islam terhadap anggota masyarakat yang lain. Sikap bertoleransi ini diamalkan bukan saja di zaman awal kebangkitan Islam, bahkan ia terus dilaksanakan ketika Islam berada di zaman kegemilangannya.

Selepas kewafatan Rasulullah, sahabat meneruskan prinsip ajaran Islam ini dengan baik sebagaimana ketika Khalifah Umar RA mengutuskan surat kepada gabenor Islam di Mesir pada ketika itu.

“Ketahuilah wahai Amr! Sesungguhnya Allah melihat engkau dan amalanmu. Sesungguhnya Allah berfirman dalam kitabnya (**surah al-Furqan, ayat 74** bermaksud) ‘dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertakwa’ tujuannya agar dicontohi.

“Sesungguhnya (wahai Amr) bersamamu terdapat ahli zimmah (rakyat bukan Muslim) dan ahd (bukan Muslim yang mengikat perjanjian).

“Rasulullah SAW telah berpesan mengenai mereka. Baginda juga berpesan mengenai kaum Qibti (Coptic) dengan menyebut: Aku berpesan agar kamu berbuat baik kepada kaum Qibti kerana bagi mereka hak perlindungan dan hubungan rahim (keluarga).

“Kekeluargaan mereka disebabkan Nabi Ismail AS daripada keturunan mereka. Nabi Muhammad SAW juga bersabda: Ketahuilah! Sesiapa yang menzalimi mu’ahid (rakyat bukan Muslim) ataupun membebankannya di luar kemampuannya, maka aku menjadi penentang sesiapa yang berbuat demikian itu

pada hari kiamat.

“Jaga-jaga wahai Amr! Jangan sampai Rasulullah memusuhimu kerana Baginda akan menentang musuhnya...sesungguhnya aku ini takut jika seekor unta yang berada bawah wilayahmu mati tersesat jalan, lalu aku ditanya oleh Allah pada hari kiamat.” (Kanz al-Umal)

Sikap seperti ini yang menjadikan Rasulullah sebagai rahmat kepada seluruh alam sebagaimana firman Allah dalam al-Quran.

Baginda menjadi tanda rahmat Allah kepada semua umat termasuk bukan Islam. Rasulullah tidak pernah membezakan layanan yang diberikan kepada Muslim dan bukan Muslim.

Ketika peristiwa pembukaan kota Makkah, tidak ada seorang pun orang bukan Islam yang

diperangi melainkan mereka yang memerangi umat Islam terlebih dulu.

Propaganda yang menyatakan Islam adalah agama yang suka kepada peperangan, keganasan dan kemusnahan adalah salah.

Dukacita umat Islam hari ini tidak mengamalkan sikap toleransi yang baik kepada masyarakat bukan Islam, malah menganggap mereka secara umumnya sebagai penentang Islam. Hal ini menyebabkan mereka memandang serong dan membawa tanggapan silap terhadap Islam.

Sikap seperti ini harus dielakkan supaya masyarakat bukan Islam lebih berminat untuk memahami prinsip dan keadilan sistem Islam.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM

Islam pada asasnya menggesa umatnya berbuat baik dengan setiap anggota masyarakat. Dalam masa sama Islam mengajar umatnya supaya melakukan sesuatu urusan dengan penuh adil dan saksama, sekalipun dengan musuh.

Allah berfirman dalam **surah al-Maidah, ayat 8** bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali